

16/05/1998

Pusat serenti janji serah 100kg emas

Salina Abdullah; Fazallah Pit

KUALA LUMPUR, Jumaat - Semua barangan emas yang dirampas dan diwartakan atas nama Kerajaan Persekutuan akan diserahkan kepada Dana Khas Negara dalam usaha mengukuhkan rizab negara.

Emas itu termasuk dalam bentuk barangan kemas, diperolehi daripada rampasan bahagian penguatkuasaan beberapa jabatan kerajaan seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan polis selain peninggalan pelatih di pusat serenti seluruh negara.

Semua barangan itu tidak dituntut selepas tempoh tujuh tahun ia dirampas atau diwartakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata sebagai permulaan pusat serenti akan menyerahkan 100 kilogram emas hasil peninggalan pelatih kepada dana itu dalam tempoh dua minggu lagi.

"Langkah ini dapat membantu menambah rizab negara.

"Namun, ingin dijelaskan sumbangan ini bukan paksaan.

"Kita tidak mahu ada pihak yang menyalahafsir dana ini dengan beranggapan yang keadaan di Malaysia seteruk negara jiran," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas majlis penyerahan sumbangan wang dan barang kemas oleh Parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) di sini hari ini iatu wang tunai RM4,403, AS\$100 (RM380) dan barangan kemas 343.29 gram.

Sumbangan IPF disampaikan kepada beliau oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik yang juga Setiausaha Agung Umno.

Sumbangan itu disampaikan Presiden IPF, Senator M G Pandithan, kepada Sabbaruddin ketika beliau merasmikan perhimpunan agung Ketujuh parti berkenaan, baru-baru ini.

Sementara itu pada majlis berasingan, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Syed Danial Syed Ahmad, berkata kempen dana itu akan diperluaskan ke peringkat negeri bagi membolehkan rakyat menyumbang ke arah mengukuhkan ekonomi negara.

Setakat ini, katanya, Johor, Pulau Pinang, Perak dan Selangor menyuarakan minat untuk mengendalikan kempen itu.

"Kita tidak memaksa rakyat menyumbang malah semua sumbangan yang diterima sejak dilancarkan 6 Mac lalu hingga hari ini atas kerelaan sendiri," katanya pad majlis penyerahan mata wang asing dan barang kemas sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri menyumbangkan mata wang Amerika Syarikat, Britain, Hong Kong, Arab Saudi, Greece dan Jepun bernilai RM15,000, manakala Dr Siti Hasmah menyerahkan barangan kemas set berlian bernilai RM70,000 menjadikan sumbangannya setakat ini RM110,000.

Syed Danial berkata, pihaknya percaya nilai sumbangan Perdana Menteri dan isteri akan meningkat kerana mata wang asing milik Dr Mahathir dan barangan kemas itu akan dilelong sebagai barangan koleksi selepas tarikh akhir kempen iaitu 6 Julai depan.

Setiap pembeli menerima sijil ditandatangani Perdana Menteri yang mengesahkan mata wang asing itu kepunyaan beliau.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya menjangkakan dapat mengumpul RM1 bilion melalui dana berkenaan merangkumi wang tunai, mata wang asing dan barangan kemas.

Setakat ini, sumbangan yang diterima ialah RM2.6 juta termasuk lapan

kilogram emas bernilai lebih RM400,000 serta batu permata berharga lebih RM300,000.

"Contoh yang ditunjukkan Perdana Menteri dan isteri harus diteladani rakyat.

"Mungkin jika seorang rakyat menyumbang lebih mata wang asing, ia tidak memberi kesan ketara tetapi jika ramai yang berbuat serupa, ia pasti membantu mengukuhkan rizab negara," katanya.

Menurut beliau, orang ramai yang ingin membuat sumbangan boleh berbuat demikian melalui 50 cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Rakyat dan Bank Islam.

Bagaimanapun, Bank Rakyat tidak boleh menerima mata wang asing.

Beliau berkata, semua sumbangan mata wang asing tidak dicukai malah penyumbang tidak disoal siasat berhubung sumber wang itu melainkan mereka perlu mengikut prosedur biasa iaitu mengisi borang yang disediakan Bank Negara.

"Hanya selepas tempoh satu atau dua tahun wang itu disimpan di negara ini, pihak terbabit akan disoal siasat bagi tujuan cukai," katanya.

(END)